

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 02/12/2025

1 Apa itu Group Term Life Insurance?

Group Term Life Insurance ialah pelan insurans berkelompok bertempoh tahunan yang boleh diperbaharui. Ia memberi perlindungan insurans hayat kepada anda semasa tempoh perlindungan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan / manfaat insurans hayat berikut.		
1	Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian akibat semula jadi atau kemalangan, jumlah yang diinsuranskan bagi polisi asas akan dibayar sekaligus.
2	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Bagi HUMK akibat semula jadi atau kemalangan, Manfaat HUMK akan dibayar. Setelah pembayaran manfaat ini, jumlah yang diinsuranskan bagi polisi asas akan dikurangkan sebanyak jumlah yang telah dibayar.

Peringatan: Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Manfaat polisi **mengecuali** hilang upaya atau penyakit yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada:

- * Penyertaan dalam sebarang perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, pemberontakan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang operasi seakan-akan peperangan, tindakan musuh asing, sebarang tindakan keganasan dan peperangan kimia.
- * Kecederaan diri yang disengajakan, atau cubaan membunuh diri, semasa waras atau tidak waras;
- * Hilang upaya atau penyakit akibat keadaan sedia ada yang wujud sebelum tarikh permulaan atau tarikh pemulihan sijil insurans.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil insurans untuk senarai pengecualian yang menyeluruh.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	 Lawati kami di laman web ¹	 Emel kami di info@etiqua.com.my	 Imbas kod QR
---	--	---	---

¹ https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/business/insurance/credit/odp_plus.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 2,000.00 (untuk perlindungan selama satu tahun)
Tempoh: Boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur luput maksimum 65 tahun, umur hari lahir berikutnya.	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Duti Setem	RM 10.00
SST 8%	RM 160.00
Komisen	10% daripada premium atau RM 200.00 (termasuk dalam premium)
Caj-caj lain yang dikenakan	Tidak Berkenaan

Nota: Ilustrasi di atas adalah berdasarkan lelaki berumur 30 tahun yang sihat, dengan jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM500,000.

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan sepenuhnya semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko membatalkan kontrak anda, tuntutan anda ditolak, atau terma diubah.
- * Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premiumnya.
- * Anda diberi tempoh tangguh selama 60 hari dari tarikh premium perlu dibayar. Jika kami tidak menerima premium anda dalam tempoh tangguh, kontrak anda mungkin ditamatkan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil insurans untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang menyeluruh.

? Bolehkan saya membatalkan sijil insurans saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil insurans anda dengan memberikan arahan bertulis kepada kami.

- **Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil insurans anda dengan memberi kami notis bertulis pembatalan dalam tempoh 15 hari kalendar dari tarikh sijil insurans diterima. Selepas pembatalan anda layak mendapat bayaran balik premium penuh yang telah dibayar, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh polisi.
- **Selepas Tempoh Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil insurans anda dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 30 hari. Anda akan kekal bertanggungjawab untuk membayar premium penuh bagi perlindungan insurans yang telah diberikan sebelum tarikh pembatalan.

Pengakuan Pelanggan *

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Group Term Life Insurance.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Group Term Life Insurance.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:
Tarikh: